



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR
Ministry of Environment



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

PEMANTAUAN KUALITI UDARA SEWAKTU PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN – *TREND* BACAAN NO₂ (NITROGEN DIOKSIDA) DAN SO₂ (SULFUR DIOKSIDA) MENURUN

27 MAC 2020, PUTRAJAYA – Pemantauan Jabatan Alam Sekitar (JAS) terhadap kualiti udara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuatkuasa mendapati *trend* bacaan SO₂ (sulfur dioksida) dan NO₂ (nitrogen dioksida) di persekitaran menunjukkan menurun selaras dengan penurunan bilangan kenderaan motor di jalan raya khususnya di bandar-bandar utama.

Berdasarkan kepada pemerhatian yang dilakukan oleh JAS ke atas parameter SO₂, NO₂ dan PM_{2.5} di stesen **Batu Muda (Kuala Lumpur), Cheras (Kuala Lumpur) dan Putrajaya** bagi tempoh 1 Mac hingga 25 Mac 2020 didapati sejak PKP berkuatkuasa pada 18 Mac 2020:

- i. *Trend* bacaan SO₂ dan NO₂ didapati ada penurunan susulan dengan pengurangan bilangan kenderaan motor di jalan raya iaitu:
 - Penurunan 23% hingga 34% bagi SO₂; dan
 - Penurunan 48% hingga 75% bagi NO₂.
- ii. *Trend* bacaan PM_{2.5} didapati tidak menunjukkan perbezaan ketara sebelum dan selepas PKP dilaksanakan, ini dipengaruhi oleh cuaca panas dan kering serta masih terdapat aktiviti yang menghasilkan habuk halus yang lebih dominan.

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan pada jam 2 petang, 27 Mac 2020 adalah seperti berikut:

Status kualiti udara	Jumlah kawasan
Baik	36
Sederhana	32
Tidak Sihat	0
Sangat Tidak Sihat	0
Berbahaya	0

Manakala berdasarkan laporan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) yang berpusat di Singapura pada 26 Mac 2020, bilangan titik panas (hotspot) dalam negara yang dikesan melalui imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) menunjukkan statistik berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah Titik Panas	Lokasi Titik Panas
1	Selangor	3	<ul style="list-style-type: none"> • Gombak (2) • Sepang (1)
2	Pahang	3	<ul style="list-style-type: none"> • Pekan (2) • Kuantan (1)
3	Terengganu	2	<ul style="list-style-type: none"> • Setiu (2)
4	Kedah	1	<ul style="list-style-type: none"> • Kota Setar (1)
5	Johor	1	<ul style="list-style-type: none"> • Kota Tinggi (1)
6	Kelantan	1	<ul style="list-style-type: none"> • Pasir Puteh (1)
	Jumlah	11	

Titik panas yang dikesan akan disiasat dibawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974. Selain itu, di **Sumatera, Indonesia 23 titik panas (hotspot)** yang dikesan dan **2 titik panas dikesan di Kalimantan, Indonesia.**

Pada masa kini, negara berada dalam fasa kedua Monsun Timur Laut (MTL) yang kebiasaannya keadaan kurang hujan berlaku antara pertengahan Januari hingga hujung Mac, terutamanya di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, utara Kelantan dan utara Terengganu serta timur Sabah. Walau bagaimanapun, Sarawak kebiasaannya mengalami keadaan yang lebih hujan semasa Januari dan Februari.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web JAS di pautan <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di Android 'Google Play' dan di Apple 'App Store'. JAS sentiasa memantau status kualiti udara sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan yang berkuatkuasa dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020 ini.

Bagi menangani cuaca panas dan kering semasa langkah kawalan pergerakan ini, JAS akan membuat rondaan harian ke kawasan yang berisiko tinggi berlakunya insiden pencemaran (hotspot). Semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian 999 dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, 1-800-88-2727.


-TAMAT-

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi:

Puan Mashitah Binti Darus
Pengarah Bahagian Udara, Jabatan Alam Sekitar
Emel: md@doe.gov.my

Encik Sharudin Rosli
Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Alam sekitar Putrajaya
Emel: sharudin@doe.gov.my

Status Kualiti Udara Semasa (2 petang, 27 Mac 2020)



Situasi Jerebu Serantau

